

# PM bentang usul Palestin

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Datuk Seni Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan membentangkan sendiri usul khas mengenai Palestin pada Sidang Parlimen Khas, Isnin ini.

Perdana Menteri memberitahu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sen Najib Tun Razak akan menyokong usul tersebut manakala Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim menggulung perbahasan.

"Semua ketua parti politik termasuk pembangkang akan berucap pada sidang khas berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan kampus utama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara (IDFR) di sini hari ini.

Kabinet semalam memutuskan memanggil satu Sidang Parlimen Khas pada Isnin ini bagi mengeluarkan resolusi berhubung langkah-langkah penyelesaian yang perlu disege-rakan dunia untuk menamatkan kekejaman Israel yang kini bermaharajalela di bumi Palestin.

Persidangan yang dijadual bermula pukul 2.30 petang itu akan mengutuk serangan ke- jam tentera Israel ke atas Semenanjung Gaza yang setakat ini mengorbankan hampir 600

## KEKEJAMAN ISRAEL DIPALESTIN



penduduk Palestin serta mencederakan ribuan yang lain.

Perdana Menteri juga memaklumkan ba-hawa Tabung Bantuan Kemanusiaan Palestin telah dilancarkan semula bermula hari ini.

Katanya, kerajaan berharap semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum dapat menyumbang kepada tabung tersebut seperti mana yang telah dilaksanakan sebelum ini.

"Tidak kira agama dan bangsa, rakyat Malaysia perlu menyumbang kepada tabung ini sekadar mampu memandangkan kekejaman terhadap penduduk Palestin merupakan satu tindakan tidak berperikemanusiaan.

"Sumbangan yang diserahkan kepada tabung ini akan dikecualikan daripada cukai dan kerajaan berharap tabung ini akan men-dapat sambutan yang daripada setiap lapi-san masyarakat," katanya.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menderma ke Tabung Bantuan Kemanusiaan Palestin yang dibawa oleh pegawai khidmat pelanggan Wisma Putra Robiahtu! Alawiyah sambil diperhatikan oleh Rais Yatim dan Menterr Dalam Negeri, Syed Hamid Albar di Kuala Lumpur, semalam.